

Headline	Melaka sokong penuh		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	151 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,036		



## Melaka sokong penuh

**JASIN 6 Sept.** - Kerajaan negeri memberikan sokongan penuh terhadap projek rintis Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menjayakan program National Connectivity Plan (NCP) untuk manfaat rakyat.

Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia, Pembangunan Belia dan Sukan negeri, Kerk Chee Yee menyifatkan projek rintis itu sebagai pemangkin ke arah pelaksanaan smart city di negeri Melaka.

"Internet kini merupakan satu bentuk kemudahan asas dan projek rintis ini akan membolehkan rakyat mendapat capaian internet pantas pada harga yang lebih kompetitif.

"Dengan kadar penembusan internet hanya pada kadar 38 peratus, kerajaan memerlukan usaha sebegini dalam memastikan rakyat Malaysia menerima akses internet di mana sahaja mereka berada," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas Majlis Pengumuman Projek Rintis NCP di TNB Jasin, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie dan Pengarah Projek NCP, Muhammad Faisal Sidek.

Menurut Chee Yee, projek berkenaan boleh menjadi inspirasi kepada kerajaan Pakatan Harapan bukan sahaja di peringkat negeri, malah Persekutuan untuk meningkatkan liputan internet.

"Bagi pihak kerajaan negeri, saya rasa kita seharusnya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada TNB dan kami juga telah beberapa kali membincangkan tentang inisiatif ini.

"TNB yang mengenal pasti Jasin sebagai salah satu tapak operasi yang sesuai kepada projek ini dan saya telah memberikan taklimat kepada mereka cara-cara terbaik untuk kerajaan negeri dan TNB bekerjasama," katanya.

Chee Yee turut memberitahu bahawa projek rintis tersebut bakal menjadi detik bersejarah untuk diingati orang ramai berhubung landskap internet dalam negara selain berharap supaya pada masa hadapan, kos untuk mendapatkan akses internet akan menjadi lebih murah dan cepat serta liputan yang meluas dalam negeri dan di seluruh negara.

